



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2021**

---

**JAWATANKUASA KERJA**  
**PERANCANGAN PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
16 Februari 2021

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

16 Februari 2021

## SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK BILANGAN 3 TAHUN 2021

### JAWATANKUASA KERJA PERANCANGAN PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI

#### 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-198 Bilangan 1/2021 yang bersidang pada 16 Februari 2021 telah bersetuju dengan Penubuhan Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti (JKPPAU).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 UPSI sebagai peneraju pendidikan No. 1 di Malaysia dalam pelbagai bidang seiring keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM (PT) 2015-2025) bagi Lonjakan 1 iaitu melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Ia menjadi tanggungjawab untuk memastikan program yang ditawarkan bertepatan dan relevan dengan pihak berkepentingan.
- 2.2 Justeru, kesemua program ini memerlukan semakan berkala dan pengurusan yang sistematik supaya keberkesanan kurikulum terhasil selari dengan visi dan misi UPSI dan memenuhi kehendak KPT dan negara.

2.3 Jawatankuasa Khas perlu ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti (JKPPAU) peringkat UPSI bagi membantu menjamin kualiti dan kelestarian sesuatu program akademik terutamanya dari segi kurikulum program yang bersifat dinamik, boleh lentur dan organik, serta sentiasa relevan dengan keperluan semasa negara.

### **3.0 KEPUTUSAN SENAT**

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan penubuhan Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti (JKPPAU) seperti di Lampiran A.

### **4.0 TARIKH KUASA**

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 16 Februari 2021.

**PUAN SUHAILA SIDEK**

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik

Tarikh: 16 Februari 2021

# LAMPIRAN A

**JAWATANKUASA KERJA PERANCANGAN PROGRAM AKADEMIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**1. Latar belakang**

UPSI sebagai peneraju pendidikan No. 1 di Malaysia dalam pelbagai bidang seiring keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM (PT) 2015-2025) bagi Lonjakan 1 iaitu melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Ia menjadi tanggungjawab untuk memastikan program yang ditawarkan bertepatan dan relevan dengan pihak berkepentingan.

Justeru, kesemua program ini memerlukan semakan berkala dan pengurusan yang sistematik supaya keberkesanan kurikulum terhasil selari dengan visi dan misi UPSI dan memenuhi kehendak KPT dan negara.

**2. Tanggungjawab JKPPAU**

Antara tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- 2.1 meneliti, mengkaji, memantau semula dan mendapatkan maklum balas perancangan dan pelaksanaan kurikulum program dari segi reka bentuk kurikulum, kaedah penyampaian PdP berinovasi dan penaksiran alternatif.
- 2.2 meneliti dan mengesyorkan, menimbang dan memperaku cadangan reka bentuk kurikulum program yang dibangunkan.
- 2.3 membantu menyediakan dasar berkaitan pelaksanaan fleksibel selaras dengan keperluan negara dan kehendak pasaran/ industri semasa.

### **3. Keahlian**

#### 3.1 Keahlian terdiri daripada

- a. Pengerusi – Pengarah Pusat Pembangunan Akademik (PPA)
- b. Sepuluh (10) orang Dekan (Fakulti dan Insititut PengajiaN Siswazah)
- c. Pengarah yang berkaitan PTj Akademik iaitu;
  - i. Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ)
  - ii. Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PULAMI)
  - iii. Pusat Kokurikulum (Pusat Ko)
  - iv. Pusat Bahasa dan Pengajian Umum (PBPU)
- d. Timbalan Pendaftar Kanan BHEA
- e. Sepuluh (10) orang Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) (Fakulti dan IPS)
- f. Sembilan (9) orang wakil fakulti dan tiga (3) orang wakil PTj (PULAMI, Pusat Kokurikulum, PBPU) cadangan ahli bagi setiap fakulti dan PTj Akademik yang berkaitan dengan pengurusan akademik

### **4. Tempoh Lantikan**

Tempoh lantikan adalah dua (2) tahun.

### **5. Dokumen rujukan yang berkaitan**

- 5.1 *Malaysian Qualification Framework (MQF) 2<sup>nd</sup> Edition*
- 5.2 Garis Panduan Pembangunan Program Akademik JPT,KPT
- 5.3 Peraturan Akademik UPSI
- 5.4 Garis Panduan Amalan Baik – MQA
- 5.5 Dasar Pendidikan Negara
- 5.6 Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN)

- 5.7 Garis Panduan 2u2i UPSI
- 5.8 Garis Panduan MOOC UPSI
- 5.9 Garis Panduan Pentaksiran dalam Talian UPSI
- 5.10 Mengambil kira mana-mana garis panduan daripada KPT dan MQA yang terkini mengikut keperluan masa ke semasa.

## **6. Bidang Tugas dan Tanggungjawab**

- 6.1 Meneliti dan menyemak dasar atau polisi atau garis panduan yang berkaitan PdP.
- 6.2 Meneliti dan mengesyorkan, menimbang dan memperaku dokumen Mesyuarat Saringan Awal, Kertas Cadangan (KC) bagi program baharu sebelum dikemukakan kepada Senat; antaranya ialah
  - i. Penamaan dan Standard Program
  - ii. Kurikulum Tersedia Masa Hadapan
    - a) Struktur Kurikulum Boleh Lentur dan Organik
    - b) Penyampaian Pembelajaran dan Pengajaran Transformatif
    - c) Pentaksiran Alternatif
- 6.3 Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs)
  - i. Pengalaman / Seminar Tahun Satu
  - ii. Tugas dan Projek Kolaboratif
  - iii. Pembelajaran Berasaskan Khidmat/ Komuniti
  - iv. Pembelajaran Bercirikan Kepelbagaian /Global
  - v. Penyelidikan Empirik
  - vi. Penulisan Akademik Intensif
  - vii. Pentaksiran Berdekatan Antara Bidang

- 6.4 Analisis kajian pasaran dan kelestarian program
- 6.5 Meneliti dan menyemak reka bentuk kurikulum bagi memastikan ia selari dengan visi dan misi universiti
- i. Penulisan Objektif Pendidikan Program (PEO)
  - ii. Penulisan Hasil Pembelajaran Program (PLO)
  - iii. Penulisan Sinopsis kursus
  - iv. Penjajaran hasil pembelajaran kursus (CLO) mengikut aras domain pembelajaran (kognitif, afektif dan psikomotor)
  - v. Penetapan jam pembelajaran pelajar (SLT)
  - vi. Kaedah Penaksiran
  - vii. Struktur kurikulum
- 6.6 Meneliti dan mengesyorkan, menimbang dan memperaku semakan program yang telah mencapai kitaran (tiga atau empat tahun)
- i. Analisis pengesanan graduan
  - ii. Analisis kajian pasaran dan kelestarian program
  - iii. PLO
  - iv. CLO
  - v. SLT
  - vi. Perubahan yang melebihi daripada 30%
- 6.7 Meneliti dan mengesyorkan, menimbang dan memperaku permohonan untuk penambahan Mod 2u2i bagi program yang sedia ada
- i. Analisis kajian pasaran dan kelestarian program
  - ii. PLO
  - iii. CLO












- iv. Struktur Program/ Model yang dipilih
- v. Implikasi penawaran program

## 7. **Kekerapan Mesyuarat JKPPAU**

Mesyuarat JKPPAU perlu diadakan sekurang-kurangnya 6 kali setahun atau mengikut keperluan sebagaimana yang diputuskan secara bersama dalam kalangan Ahli Jawatankuasa yang telah dilantik. Cadangan penetapan bilangan dan bulan mesyuarat ini adalah selari dengan Mesyuarat Saringan Awal (MSA) peringkat KPT seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Bulan Mesyuarat</b>	<b>Bulan penerimaan dokumen di PPA (pada minggu pertama iaitu 1- 7 hari bulan)</b>	<b>Tempoh Masa Penelitian oleh JKPPAU (Minggu 3 hingga 4)</b>
1	Februari	Januari	14 hari
2	April	Mac	14 hari
3	Jun	Mei	14 hari
4.	Ogos	Julai	14 hari
5.	Oktober	September	14 hari
6.	November	November	14 hari

## 8. Proses Kerja

Carta Alir	Tindakan	Rekod Catatan	Tanggungjawab
	Mula		
	Penyediaan Dokumen Program Baharu atau Semakan Program atau penambahan Mod	Satu salinan ( <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> ) Dokumen Program Baharu atau Semakan Program atau penambahan Mod yang telah melalui proses perundingan dengan PPA.	Jawatankuasa Penubuhan Program Baharu / Semakan Program/ penambahan Mod peringkat Fakulti
	Edaran dokumen softcopy kepada ahli JKPPAU	Memo dan Dokumen Program Baharu atau Semakan Program	PPA
	Semakan dokumen oleh JKPPAU	14 hari (2 minggu)	Ahli JKPPAU
	Pembentangan	Minit Mesyuarat	Dekan
	Peraku Semakan	Minit Mesyuarat	Ahli JKPPAU
	Peraku/ Sokong	Minit Mesyuarat (perakuan untuk semakan/ sokongan untuk program baharu)	Ahli JKPA
	Kelulusan/ Perakuan Senat	Minit Mesyuarat (Senat peraku untuk program baharu/ LPU meluluskan) (Senat meluluskan semakan kurikulum)	Ahli Senat
	Tamat		